

**GARIS PANDUAN PELANCONGAN  
DAN LAWATAN KE  
MASJID PUTRA,  
PUTRAJAYA**

*Guideline on Putra Mosque, Putrajaya Tourism and Visits*



## KANDUNGAN

TUJUAN	1
LATAR BELAKANG	1
TAKRIF	2
OBJEKTIF	4
PENUBUHAN PUSAT KHIDMAT PELANCONGAN MASJID	4
KEPERLUAN DAN KEMUDAHAN UNTUK MASJID PELANCONG	5
PANDUAN DAN PERATURAN PELANCONGAN MASJID	6
WAKTU LAWATAN	8
PINDAAN	9
PENUTUP	9

## **GARIS PANDUAN PELANCONGAN DAN LAWATAN KE MASJID PUTRA, PUTRAJAYA**

*Guideline on Putra Mosque, Putrajaya Tourism and Visits*

### **TUJUAN**

1. Garis Panduan ini bertujuan memberi panduan kepada semua agensi dan pihak yang terlibat dalam pengurusan Pelancongan Masjid Putra supaya dapat dilaksanakan dengan berkesan.

### **LATAR BELAKANG**

2. Masjid kini menjadi salah satu produk pelancongan agama di Malaysia. Beberapa buah masjid di Malaysia berpotensi menjadi tempat tarikan pelancong Muslim dan bukan Muslim dari dalam dan luar Negara. Antara masjid yang sering menjadi tumpuan pelancong di peringkat persekutuan adalah Masjid Putra, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Masjid Wilayah. Pemilihan Masjid Pelancong ditentukan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pelancongan Malaysia.
3. Selaras dengan gagasan kerajaan supaya masjid-masjid yang berpotensi dipromosikan sebagai tempat tarikan pelancong dan dalam masa yang sama memenuhi tuntutan syarak maka JAKIM telah mengeluarkan Garis Panduan Pelancongan dan Lawatan Ke Masjid untuk dijadikan rujukan umum kepada semua pihak yang terlibat.

## TAKRIF

### 4. **Pelancong**

Maksud pelancong dalam Garis Panduan ini ialah mereka yang keluar ke destinasi lain bagi beberapa tujuan.

### 5. **Pelancongan**

Maksud pelancongan dalam Garis Panduan ini ialah aktiviti pengembaraan seseorang individu ke suatu tempat keluar daripada persekitaran asalnya dan menetap di situ tidak lebih daripada setahun bagi tujuan rehat, perniagaan dan sebagainya.

### 6. **Lawatan**

Maksud lawatan dalam Garis Panduan ini ialah perbuatan mengunjungi dan menziarahi ke sesuatu tempat untuk meninjau, mengetahui atau mempelajari serba sedikit fungsi, aktiviti atau perjalanan institusi atau tempat tersebut.

### 7. **Pelancongan keagamaan (*religious tourism*)**

Maksud Pelancongan Keagamaan dalam Garis Panduan ini ialah merujuk kepada pusat ibadah dan tempat bersejarah agama Islam seperti masjid dan aktiviti yang dilakukan di masjid.

### 8. **Pelancongan Masjid**

Maksud Pelancongan Masjid dalam Garis Panduan ini ialah segala aktiviti pelancongan yang melibatkan masjid yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pelancongan Malaysia.

**9. Pakaian menutup aurat dan sopan**

Maksud pakaian menutup aurat dan sopan dalam garis panduan ini ialah tidak menjolok mata seperti berpakaian jarang, ketat dan tidak memakai tudung/penutup kepala bagi perempuan serta tidak menampakkan lutut dan pusat bagi lelaki.

**10. Kelakuan tidak sopan**

Maksud Kelakuan Tidak Sopan dalam Garis Panduan ini termasuklah melakukan aksi yang mengghairahkan, berpelukan antara lelaki dan perempuan walaupun mempunyai hubungan mahram, bercumbu-cumbuan, melakukan perbuatan lucah dan mendedahkan tubuh badan.

**11. Pengurusan Masjid**

Maksud Pengurusan Masjid dalam Garis Panduan ini ialah pihak yang terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran berkaitan hal ehwal masjid iaitu JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri.

**12. Pemandu Pelancong**

Pemandu Pelancong dalam Garis Panduan ini ialah individu atau kumpulan yang mendapat latihan dan bertauliah untuk memandu pelancong menggunakan pilihan bahasa pelancong, menerangkan kebudayaan dan sejarah semulajadi dalam sesuatu kawasan; iaitu individu yang kebiasaannya mempunyai sijil kemahiran tertentu yang diperolehi daripada badan yang diiktiraf.

**13. Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid**

Maksud Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dalam Garis Panduan ini ialah sukarelawan yang berdaftar dengan pihak JAKIM untuk menjalankan khidmat pemandu pelancong masjid.

## OBJKTIF

14. Objektif Garis Panduan ini ialah untuk:
  - ❖ Mengurus Pelancongan Masjid Putra secara efisyen dan seragam;
  - ❖ Mewujudkan persefahaman, penyelarasan dan kerjasama antara pengusaha pelancongan, pihak berkuasa tempatan dan pihak pengurusan masjid; dan
  - ❖ Memastikan agar masjid sentiasa terpelihara kesucian dan keceriaannya.

## PENUBUHAN PUSAT KHIDMAT PELANCONGAN MASJID

15. Demi merealisasikan objektif tersebut, **Pusat Khidmat Pelancongan Masjid** perlu diwujudkan di Masjid Pelancongan bagi mengendalikan urusan kunjungan dan lawatan para pelancong ke masjid.
16. Fungsi Pusat ini adalah seperti berikut:
  - ❖ Bertanggungjawab kepada pihak Pengurusan Masjid di Masjid Pelancongan berkenaan.
  - ❖ Menyelaraskan jadual petugas secara sistematik.
  - ❖ Memastikan kemudahan dan keperluan lawatan para pelancong ke masjid disediakan mengikut kesesuaian dan keselesaan mereka.
  - ❖ Menyelaras dan mengemaskini maklumat dan program Pelancongan Masjid.
  - ❖ Menyelaras tugas pemandu pelancong dengan agensi-agensi yang berkaitan.
  - ❖ Menyediakan tayangan video, sesi taklimat, brosur, risalah dalam pelbagai bahasa kepada pelancong.

- ❖ Menyediakan cenderamata yang bersesuai sebagai tanda kenangan untuk para pelancong.
- ❖ Merakam dan merekodkan acara lawatan yang diadakan di masjid untuk dijadikan bahan rujukan dan simpanan masjid.
- ❖ Menyediakan galeri atau sudut pameran untuk paparan produk pelancongan berkaitan masjid.
- ❖ Menyediakan khidmat pembantu pelancong masjid semasa sesi lawatan.
- ❖ Memastikan jubah yang disediakan untuk pelancong mencukupi, bersih, bersesuaian dan berkeadaan baik.

## KEPERLUAN DAN KEMUDAHAN UNTUK MASJID PELANCONG

17. Pihak Pengurusan Masjid hendaklah memastikan keperluan berikut disediakan:

**❖ Kaunter Penerangan**

Kaunter penerangan disediakan di tempat yang strategik dan persekitaran yang kondusif termasuk menyediakan buku rekod pelawat, pakaian pelancong/jubah, brosur/risalah, payung, kerusi roda, borang-borang yang berkaitan dan juga peti cadangan/aduan.

**❖ Ruangan Informasi**

Ruangan ini menempatkan galeri pameran, sudut tayangan dan rak informasi.

**❖ Ruangan Khas untuk Pemerhatian Solat**

Pihak Pengurusan Masjid perlu menyediakan satu ruangan khusus untuk memberi kemudahan kepada pelancong melihat aktiviti solat harian.

❖ **Keperluan untuk Petugas dan Sukarelawan**

Menyediakan keperluan untuk petugas dan sukarelawan seperti pakaian seragam, tanda pengenalan diri yang sesuai, bilik rehat dan lain-lain keperluan yang sesuai.

❖ **Kemudahan untuk Pelancong**

Menyediakan keperluan bagi kemudahan pelancong seperti parkir, penunjuk arah, papan tanda, pelan lantai, peti simpanan kasut, pakaian pelancong/jubah, ruang untuk bergambar, tandas, kiosk jualan/cenderamata, *vendor machine* dan seumpamanya.

❖ **Pakaian / Jubah Khas untuk Pelancong**

Menyediakan pakaian yang sesuai untuk pelancong sama ada jenis material dan warna kain yang digunakan.

❖ **Prasana-prasana lain**

Menyediakan prasana-prasana lain jika perlu seperti kafetaria, tabung masjid, taman permainan kanak-kanak, landskap, kemudahan WiFi, papan kenyataan pengurusan/program masjid, rangkaian (*networking*) Masjid Pelancong, *auto teller machine* (ATM) dan sebagainya.

  
**PANDUAN DAN PERATURAN  
PELANCONGAN MASJID**  


**18. Tatacara Sambutan**

Sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid dan petugas hendaklah:

- ❖ memakai pakaian rasmi pemandu pelancong dan tanda pengenalan diri;
- ❖ menyambut ketibaan pelancong dengan senyuman dan layanan yang mesra;

- ❖ membantu pelancong memakai jubah khas yang disediakan;
- ❖ mengedar risalah /pamlet/ brosur yang sesuai kepada para pelancong;
- ❖ membantu pelancong mengisi buku pelawat yang disediakan;
- ❖ mendapatkan khidmat taklimat penerangan daripada pihak pengurusan masjid;
- ❖ memandu para pelancong melawat di persekitaran masjid;
- ❖ mengiringi kepulangan pelancong setelah selesai sesi lawatan.

#### 19. **Etika Berpakaian**

Pelancong hendaklah memakai pakaian menutup aurat dan sopan ketika melawat kawasan masjid.

#### 20. Menghayati **Etika Pelakuan** dalam kawasan/persekutaran masjid dengan mematuhi larangan berikut:

- ❖ merokok dan membawa atau minum minuman keras;
- ❖ makan dan minum di dalam Dewan Solat;
- ❖ berpelukan dan berkelakuan kurang sopan di dalam Kawasan masjid walaupun mempunyai hubungan mahram atau suami isteri;
- ❖ mengganggu ketenteraman para jemaah yang sedang beribadah atau membuat bising;
- ❖ melakukan aktiviti atau upacara keagamaan selain Islam;
- ❖ membuang sampah merata-rata; dan
- ❖ membawa masuk haiwan peliharaan atau sebarang replika berbentuk haiwan dan patung.

## 21. Waktu Lawatan

HARI	MASA
Isnin – Khamis & Sabtu - Ahad	9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.00 petang – 4.00 petang 5.30 petang – 6.30 petang
Jumaat	9.00 pagi – 10.30 tengah hari 3.00 petang – 4.00 petang 5.30 petang – 6.30 petang

## 22. Kawasan Lawatan

Semua pelancong boleh memasuki masjid termasuk ruang solat **dengan syarat** mendapat keizinan pihak Pengurusan Masjid selagi perlakuan serta tingkah laku mereka tidak mencemarkan kesucian masjid dan sentiasa terkawal dan beradab.

(Rujuk Sighah Keputusan Muzakarah Fatwa Kali Ke-90)

***Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-90 yang bersidang pada 1 Mac 2010 telah membincangkan Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid Dan Ruang Solat Utama Di Dalam Masjid. Muzakarah telah memutuskan bahawa pelancong bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ruang solat dengan syarat mendapat keizinan pihak pengurusan masjid dan perlakuan serta tingkah laku mereka tidak mencemarkan kesucian masjid dan sentiasa terkawal dan beradab. Walaubagaimanapun, perbuatan berdoa atau bertafakur oleh pelancong bukan Islam mengikut cara agama mereka dalam keadaan yang boleh menimbulkan fitnah adalah dilarang.***

**23. Aktiviti Bergambar**

Pelancong boleh mengambil gambar kawasan masjid yang telah ditentukan oleh pihak Pengurusan Masjid secara bersopan dan tidak menganggu para jemaah melakukan ibadah.

**24. Penggunaan Tandas**

Pelancong hendaklah menggunakan tandas yang telah ditentukan oleh pihak Pengurusan Masjid dan mematuhi penjagaan kebersihan.

**PINDAAN**

25. Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dan perubahan dari semasa ke semasa.

**PENUTUP**

26. Garis Panduan ini diharap dapat dijadikan panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam mengurus Pelancongan Masjid.